



KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

MEDAC PERCEPAT TEMPOH PROSES PERMOHONAN UNTUK BANTU USAHAWAN

Putrajaya, 21 Mei – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan agensi di bawahnya meneruskan usaha untuk membantu usahawan dengan menambah baik produk dan perkhidmatan yang disampaikan bagi manfaat usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mikro dan koperasi. Inisiatif penambahbaikan melibatkan tempoh yang dilaksanakan ini membuktikan MEDAC dan agensi peka terhadap keperluan semasa dan akan membantu kepada usahawan yang terjejas akibat COVID-19. Selain itu, dapat memantapkan lagi perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia.

Selaras dengan usaha ini, MEDAC melalui hasil kajian yang telah dibuat oleh Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai yang berkaitan, telah mengambil langkah menyesuaikan penyampaian program dan perkhidmatan berdasarkan situasi semasa untuk memudahkan lagi urusan usahawan.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah dengan memudahcara permohonan, menambahbaik tempoh proses dan kelulusan pembiayaan seperti berikut:

- i) **COVID Business Recovery – Micro (CBRM) oleh TEKUN Nasional**

- Memerlukan empat (4) dokumen sokongan sahaja berbanding 17 dokumen sokongan sebelum ini. Dokumen tersebut adalah salinan sijil pendaftaran syarikat atau lesen perniagaan, salinan kad pengenalan, salinan penyata bank dan salinan bil utiliti.
- ii) **Special Relief Facility (SRF) oleh SME Bank dan Bank Rakyat**
- Proses permohonan SRF dipendekkan kepada lima (5) hari sahaja berbanding 30 hari (SME Bank) dan 21 hari (Bank Rakyat)
- iii) **Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia**
- Proses permohonan dipendekkan kepada 14 hari sahaja berbanding 30 hari.
- iv) **Skim Pembiayaan Francaisor, Pra Francais dan Francaisi oleh Perbadanan Nasional Berhad**
- Proses permohonan dipendekkan kepada 10 hari sahaja berbanding 14 hari
- v) **Audit Pematuhan Program PROTEGE - *Ready To Work* (RTW)**
- Lawatan Audit diminimumkan kepada satu (1) hari sahaja berbanding tiga (3) hari.
- vi) **Pengeluaran Penuh Simpanan Usahawan oleh TEKUN Nasional**
- Proses permohonan dipendekkan kepada dua (2) hari sahaja berbanding 7 hari.

Perhatian khusus perlu diberikan bagi memastikan usahawan mendapat sokongan sewajarnya daripada kerajaan supaya ianya dapat beroperasi seperti biasa. Adalah penting proses dan prosedur dipermudahkan serta ditambahbaik agar akses kepada kemudahan kewangan atau perkhidmatan lebih cepat diterima dan akhirnya menghasilkan impak yang positif. Keberhasilan kepada usaha tersebut akan memberikan keuntungan kepada negara dan pada masa yang sama memberikan faedah serta membantu rakyat.

YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Tuanku Jaafar
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Putrajaya
20 Mei 2020